



2010 SABA SULTAN CUP 2ND DIVISION

LIGA KOMUNITI 2010

-
1. Kejohanan : KEJOHANAN BOLA KERANJANG PIALA SULTAN
2. Tujuan :
- Mempertingkatkan mutu permainan bola keranjang dalam Negeri Selangor.
 - Mengeratkan tali persahabatan di antara pemain-pemain Negeri Selangor.
 - Mengamalkan sikap professional dalam bidang bola keranjang
 - menggalakkan penubuhan/pembentukan kelab bola keranjang
 - Memilih pemain untuk mewakili Negeri Selangor ke Kejohanan Kebangsaan Piala Agong.
-
3. Penyertaan :
- a)**Yuran Pendaftaran RM 150.00 setiap pasukan
- b)**Mengamalkan system "bayar & bertanding", di mana perbelanjaan setiap pertandingan iaitu RM150.00 akan dibayar sama rata oleh kedua-dua pihak kepada Ketua Zon Pertandingan sebelum perlawanan bermula (Bayaran ini termasuk elaun pengadil, pegawai teknikal, ketua zon pertandingan, pegawai meja, kos sewa gelanggang, kos pembersihan gelanggang dan sebagainya.)
- c)**Cagaran pertandingan perlu dibayar RM250.00 sebelum setiap pertandingan bermula,
- d)**Wang cagaran RM250.00 dikehendaki bayar melalui cek berpaling dan dialamatkan kepada <Persatuan Bola Keranjang Negeri Selangor> atau dengan wang tunai. Setiap pasukan harus membuat tuntutan wang cagaran secara sendiri dalam tempoh 3 bulan setelah upacara penamatan.
(Yap Poh Boon 0192115743)-Bendahari SABA
- e)**Wang cagaran akan disita sekiranya : 1. Ahli/pasukan yang terlibat dalam keganasan seperti pemukulan atau memukul serta bersikap biadap terhadap pengadil, pegawai-pegawai teknikal atau AJK Kejohanan. 2. Memboikot perlawanan iaitu semua perlawanan mesti dipertandingan sehingga habis kecuali diperhentikan oleh pengadil. J/K Teknikal berhak untuk mengambil tindakan susulan sekiranya terdapat pasukan yang memboikot. Pasukan yang gagal menghantar sekurang-kurangnya 4 wakil dalam upacara Pembukaan dan pasukan yang tidak menghantar wakil untuk menghadiri Mesyuarat Pengurus-pengurus Kejohanan.
- f)**Borang penyertaan yang lengkap mesti diserahkan sebelum tarikh penutupan kepada ketua zon pertandingan, persatuan bola keranjang atau ketua pertandingan ataupun email kepada ketua pertandingan. Rm 100 ringgit akan didenda jika tidak lengkap borang penyertaan tersebut.
- g)**Tempat menuntut borang penyertaan boleh melalui Persatuan Bola Keranjang Negeri Selangor serta Memuat turunkan borang penyertaan dari laman web rasmi Persatuan Keranjang Negeri Selangor : www.selangorbasketball.com ; Tel & Fax 03-2078 1223.
-
4. Sistem Pertandingan:
- a)**Struktur pasukan- Pengurus Pasukan : 1 org, Jurulatih/Penolong Jurulatih : 2 org, 15 org pemain, setiap pertandingan 12 org pemain terlibat, sekurang-kurangnya mesti 8 org. refer to **LAMPIRAN 1**"Fair Play & Penalty"
- b)**Setiap pasukan hanya boleh mempunyai 1 pemain SELANGOR yang dinamakan dalam "senarai khas" (Lampiran 2)-sila rujuk www.selangorbasketball.com untuk maklumat lanjut. Walaubagaimanapun, Pemain Nasional, pemain Nasional Junior yang berasal dan didaftarkan dari Selangor dan umurnya dibawah 23 tahun adalah tidak terhad dalam Kejohanan ini.
- c)**Setiap 4 Zon hanya akan menerima sebanyak 10 pasukan, system pertandingan adalah secara LIGA.
- d)**Sesudah pusingan awal habis dijalankan, pasukan yang berkedudukan 1 hingga 8 akan berlayak ke pusingan kedua. Pusingan kedua dijalankan secara "Best of Three kalah mati", sampai perlawanan akhir.
- e)**Johan Zon akan dihadihkan wang tunai sebanyak RM 750.00 dan layak ke Final Round Kejohanan SBA SULTAN CUP DIVISION 2. Hadiah-hadiah wang tunai ini akan diberi semasa upacara penutupan Kejohanan ini.

f) Sistem pertandingan bagi Final Round akan melaksanakan "HOME-AWAY", system ini bagi mewujudkan hubungan yang erat antara 4 Zon masing-masing. Selain itu, ini juga menunjukkan bahawa setiap pasukan zon yang masuk Final Round berpeluang bermain di gelanggang zon lain. Ini akan mewujudkan environment yang baru bagi semua pasukan.

g) Mengikut Peraturan FIBA 2008

h) "DUNKING" dalam pertandingan dikira 3 mata.

-
5. **Perlaksanaan:**
- a) Pasukan yang mengambil bahagian mesti menghantar Senarai Pasukan yang sempurna kepada SBA SEBELUM tarikh penutupan pendaftaran akan menerima diskaun ke atas yuran pendaftaran sebanyak 50%.
 - b) Tarikh penutupan pendaftaran : 28/8/2010 (SABTU) 6.00pm
 - c) Mesyuarat Pengurus Pasukan/Jurulatih : 28/8/2010 (SABTU) 8.00pm
 - d) SEBELUM kejohanan bermula, jika pasukan didapati mempunyai pemain yang telah melanggar peraturan 4(b), maka pemain tersebut akan terus disingkir. Kekosongan tersebut tidak boleh diisi semula.
 - e) Jika aduan diterima dan didapati benar bahawa pasukan mempunyai pemain yang melanggar peraturan 4(b) SELEPAS kejohanan bermula, maka pasukan tersebut akan disingkir dan cagaran akan dirampas.
 - f) Semua aduan dan bantahan mengenai kelayakan seseorang pemain harus dibuat secara bertulis kepada J/K Teknikal seawal mungkin. Bantahan tidak akan dilayan pada peringkat pusingan akhir.
 - g) Pemain yang dipilih oleh Jawatankuasa Pemilihan diwajibkan untuk menyerta latihan serta mewakili Negeri Selangor di Kejohanan Bola Keranjang Kebangsaan. Pemain yang tidak menyertai latihan dengan tiada sebab-sebab munasabah, Persatuan kami berhak mengambil tindakan tatatertib termasuk gantungan mengikut "Peraturan-peraturan Tatatertib Pemain 2008"
 - h) Semua Pemain yang mengambil bahagian mesti mengisi dan menghantar borang pendaftaran pemain MABA untuk berdaftar sebagai pemain Selangor untuk memenuhi syarat pendaftaran pemain MABA bagi Kejohanan Bola Keranjang Piala Agong.
-
6. **Bantahan/Rayuan:**
- a) Bantahan hendaklah dibuat dengan segera secara lisan dan menurunkan tandatangan Di atas ruangan di kertas skor. Seterusnya, surat bantahan secara bertulis serta wang Cagaran bantahan RM200.00 mesti dihantar kepada Pengerusi J/K Teknikal dalam masa 1 jam sebaik sahaja tamatnya perlawanan berkenaan. Jikalau tidak, bantahan tidak akan dilayan.
 - b) Sekiranya pasukan masih tidak berpuas hati dengan keputusan J/K Teknikal Kejohanan pasukan boleh membuat rayuan kepada J/K Juri SABA secara bertulis bersama wang RM 500.00 dalam masa 8 jam selepas pengumuman J/K Teknikal Kejohanan.
 - c) Sekiranya mempertikaikan kelayakan pemain bagi sesuatu pasukan, pasukan yang membuat aduan mesti mengemukakan eviden secara bertulis kepada J/K Teknikal dan disertakan dengan wang cagaran RM 200.00 untuk menjalankan soal siasat. Wang cagaran akan dipulangkan sekiranya aduan yang dibuat adalah benar dan sah.
-
7. **Peningkatan:**
- a) Setiap pasukan yang menyertai dalam kejohanan ini akan mendapat satu tempat Percuma untuk Kursus Kejurulatihan Bola Keranjang selama 5 hari. Sesiapa yang lulus dalam peperiksaan kursus tersebut akan memperolehi Sijil Kejurulatihan Bola Keranjang Level 1. Wakil pasukan sila berdaftar dengan SBA. Jika Kursus tersebut diadakan, maka Wakil tersebut akan diberitahu untuk menghadiri Kursus tersebut .
 - b) Pasukan yang menyertai MESTI menghantar SEORANG wakil untuk menghadiri Mesyuarat Pengurus/Jurulatih. Satu klinik mengenai peraturan & teknikal diadakan untuk Menyampaikan pengetahuan/peraturan yang baru.
-
8. **Tempat Pertandingan:**
- a) Gelanggang Tertutup Subang USJ14 (Court 9)
 - b) Gelanggang Tertutup Kg Baru Semenyih
 - c) Gelanggang Tertutup Green Park, Rawang
 - d) Gelanggang H20 Kapar, Klang .
-
9. **Lain-lain Perkara:**
- a) Penerangan dan keputusan Panel Juri SABA adalah rasmi dan muktamad, tidak boleh Dicabar dan dibawa ke mahkamah.
 - b) Pihak Penganjur Kejohanan tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kejadian yang tidak diingini seperti kecederaan, kematian, kehilangan harta benda dan sebagainya ke atas para peserta sebelum, semasa dan selepas pertandingan.

c)J/K Pertandingan SABA berhak membuat sebarang ubahsuai jika mendapati bahawa syarat2 dan peraturan2 tidak lengkap.

-
10. Hadiah Iringan & Wang Tunai
- a)Johan Lelaki – RM3000.00+ Piala+ 15 Pingat
 - b)Naib Johan Lelaki – RM 1500.00 +Piala + 15 Pingat
 - c)Ketiga Lelaki – RM 750.00 + Piala + 15 Pingat
 - d)Keempat Lelaki – RM 350.00 + 15 Pingat
 - e)Fair Play Lelaki – RM200.00
 - f)MVP Lelaki – RM 200.00
-

LAMPIRAN 1

LAMPIRAN 1

"Fair Play & Penalty"

- a) Setiap pasukan mesti mempunyai sekurang-kurangnya 8 org pemain dalam satu perlawanan. Jika jumlah pemain kurang daripada 8 org maka RM50 akan disita. Wang ini akan ditolak daripada cagaran pasukan. Wang ini akan diberi kepada pihak berlawan pertandingan itu melalui zon pertandingan.
- b) Semasa pertandingan, dimana pemain/pegawai pasukan dikenakan "technical foul"/unsportmanlike foul sebanyak 2 kali atau dikenakan disqualified foul, maka RM50 akan disita. Berpandangan tahap serius kes tersebut.
- c) J/K Penghargaan & disiplin Saba akan memutuskan samaada melakukan tindakan susulan termasuk menghalang pemain tersebut untuk menyertai pertandingan seterusnya.
- d) Syarat TEPAT PADA MASA . Jikalau pemain pasukan kurang daripada 5 org pad masa pertandingan yang telah ditetapkan dan perlawanan tersebut terpaksa lewat 15 minit maka pihak yang lewat akan disita RM50. Jika lewat selama 30 minit, pihak yang menunggu berhak meminta pengadil supaya mengistiharkan perlawanan ditamatkan. Pihak yang lewat itu akan membayar RM150. Wang ini akan diberi kepada pihak yang diistiharkan menang dalam perlawanan melalui ketua Zon selepas tolak perbelanjaan perlawanan tersebut.

LAMPIRAN 2

Senarai Khas Pemain-pemain yang Tidak Dibenarkan Mengambil Bahagian Dalam Kejohanan(*Pemain Nasional, Pemain Nasional Junior yang berasal dan didaftarkan dari NEGERI-NEGERI lain TIDAK BOLEH mengambil bahagian dalam kejohanan ini.)

Person who contact :

Klang zone - Tee Ching Seng 0163615164 / 谢爱萍 0146530186

Gombak zone - 林建义 0123755118

Subang zone - Tong 0162705233

Semenyih zone - Chiew Diing Shyong 0163363921

*Setiap Zon hanya akan terima 10 pasukan sahaja(First come first serve)

Disusun oleh,J/K Pertandingan, Persatuan Bola Keranjang Negeri Selangor